

## INDIKATOR SIKAP TERHADAP PEMBELAJARAN BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR MUSLIM MINORITI DI DUA BUAH SEKOLAH ISLAM DI KEMBOJA

**\*Fathul Hakim Zawawi**

**Rahimi Md Saad**

**Zawawi Ismail**

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

*\*fathulhakim1026@gmail.com*

### ABSTRACT

Learning is an inseparable part of education. Its existence is what drives the success of education, including language mastery. Effective learning supports effective language acquisition. However, various factors may contribute to the failure of language mastery among students, such as student attitudes, environmental support, and, even more so, when the language in question is a second language in a country where Muslims are a minority. Therefore, this study aims to identify students' attitudes toward learning Arabic in a Muslim minority country, namely Cambodia. This study employed a quantitative approach involving two schools representing two provinces—Kampot as a rural area and Phnom Penh as an urban province. A questionnaire survey was administered randomly to 112 students from Form 3 to Form 6. The findings reveal that Muslim minority students in Cambodia demonstrated a positive attitude toward learning; they enjoy learning and are motivated to continue learning ( $M = 4.02$ ). However, the overall level ( $M = 3.92$ ), categorised as moderately high, is still influenced by attitudes and perceptions of difficulty regarding the Arabic language. Thus, this finding serves as an indicator that should be taken seriously by all educational stakeholders in Cambodia and other countries, particularly those with minority Muslim populations.

**Keywords:** *Student attitudes, Arabic language learning, Islamic minority communities, education.*

### PENGENALAN

Pembelajaran ialah suatu proses mendalami dan memperoleh ilmu dan bidang. Melalui pembelajaran, sesuatu bidang akan berkembang serta menjadi lebih bermanfaat. Jika dilihat daripada konteks penguasaan bahasa, pembelajaran bahasa mempunyai kepentingan tersendiri kerana ia boleh menjadi satu perantara bagi perkembangan suatu bidang yang lain pula. Selain itu, Fahamsyah (2020), menyatakan bahawa pembelajaran bahasa Arab ialah suatu proses pewarisan budaya kepada generasi pewaris. Menurut beliau, pewarisan tersebut berlaku melalui proses komunikasi, kerana bahasa merupakan alat komunikasi yang digunakan di seluruh dunia. Bahasa Arab merupakan bahasa utama di dunia dan telah mendapat pengiktirafan global apabila dinobatkan menjadi salah satu bahasa yang digunakan sebagai medium komunikasi rasmi di dalam persidangan serta dokumentasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 18 Disember 1973.

Bahasa Arab ialah salah satu bahasa utama di dunia yang dituturkan oleh lebih 411 juta orang di seluruh dunia. Bahasa ini bukan hanya dipelajari oleh bangsa Arab, tetapi juga turut dipelajari oleh bangsa bukan Arab. Pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan bukan Arab kebiasaannya terbahagi kepada dua tujuan

utama, iaitu tujuan keagamaan dan tujuan komunikasi (Mohd Shahrizal et al., 2017). Ini disebabkan oleh kebanyakan pelajar yang berusaha mempelajari bahasa Arab dalam kalangan Muslim yang selalunya mengaitkan pembelajaran mereka dengan pelaksanaan serta peningkatan kualiti ibadah mereka sebagai seorang Muslim (Shukri et.al, 2009). Lantaran itu, bahasa Arab telah menjadi satu subjek penting dalam kurikulum pendidikan kebangsaan di sebahagian besar negara Islam. Tumpuan terhadap bahasa berkenaan tidak kurang hebatnya dalam kalangan umat Islam yang hidup sebagai kelompok minoriti di negara. Keperluan dan minat terhadap bahasa ini turut memperlihatkan perkembangan transnasional, apabila ia mendapat perhatian bukan sahaja di negara Muslim majoriti, bahkan dalam kalangan komuniti Muslim minoriti di negara bukan Islam.

Dalam konteks Kemboja, dalam konteks sebagai sebuah negara yang majoriti penduduknya ialah bukan Islam, ia telah mula dipelajari serta berkembang dalam kalangan penduduk minoriti Muslim seawal abad ke-9 lagi. Hal ini mencatat perkembangan awal pengajian bahasa Arab apabila bahasa tersebut mula dipelajari dan berkembang dalam komuniti Muslim minoriti seawal abad ke-9. Ia berlaku sezaman dengan kehadiran pedagang orang Islam di kerajaan-kerajaan Melayu di awal abad ke-9. Walau bagaimanapun, catatan sejarah telah merekodkan bukti bahawa rakyat Kemboja daripada keturunan Cam secara khusus hanya mula menghayati ajaran agama tersebut secara menyeluruh pada abad ke 14. Proses mendalami ilmu pengetahuan mengenai ajaran Islam serta bahasa Arab diperkukuhkan melalui penghantaran anak muda mereka ke Semenanjung Tanah Melayu, khususnya di Kelantan dan Patani, bagi tujuan tersebut. Proses pengembangan Pendidikan Islam dan bahasa Arab di Kemboja dilihat berterusan secara dinamik sehingga kini (Bruckmayr, 2006).

Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi perkembangan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar Muslim minoriti di Kemboja. Meskipun mereka merupakan kelompok minoriti yang tidak melebihi 10 % daripada keseluruhan populasi negara berkenaan, secara umumnya, masyarakat Islam di sana telah terdedah kepada ajaran Islam dan bahasa Arab sejak abad ke-9 lagi. Justeru, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk melihat aspek sikap pelajar Muslim minoriti di Kemboja dalam pembelajaran bahasa Arab. Dapatan kajian ini boleh memberi input penting untuk melihat sikap sebagai satu indikator penting dalam perkembangan serta peningkatan tahap pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar Muslim minoriti.

### ***Sikap Pelajar***

Sikap terhadap bahasa merujuk kepada sikap satu kelompok masyarakat atau sesuatu komuniti terhadap sesuatu bahasa seperti menarik, sedap didengar dan mudah dipelajari. Sikap seseorang itu biasanya dipengaruhi oleh faktor-faktor yang berkaitan dengan ekonomi, sosial, politik, budaya, pendidikan dan agama (Abushibah et.al, 2025; Ghazali et.al, 2010).

Dalam konteks penguasaan bahasa, sikap adalah ditentukan oleh kepercayaan seseorang terhadap bahasa sasaran dan ia boleh lahir serta terbentuk daripada proses kognitif. Ia adalah berkaitan dengan kepercayaan seseorang terhadap bahasa sasaran. Nahdilah dan Kamarul Shukri (2018) melihat bahawa kepercayaan pelajar tentang sesuatu bahasa adalah penting bagi menentukan sikap mereka terhadap bahasa berkenaan. Mereka menyatakan bahawa kebanyakan individu tidak akan mula mempelajari atau meneruskan pembelajaran sesuatu bahasa jika mereka menjangkakan bahawa mereka akan gagal menguasainya. Mereka mungkin berminat dan menilai tinggi sesuatu pembelajaran, tetapi apabila mereka gagal berulang-ulang kali, maka mereka tidak akan terlibat lagi dalam pembelajaran tersebut. Walaupun minat dan penilaian positif terhadap pembelajaran tersebut wujud, pengalaman kegagalan yang berulang lazimnya menyebabkan mereka menarik diri serta tidak lagi terlibat dalam proses pembelajaran. Oleh itu, dengan kurang keyakinan dan menganggap sesuatu pembelajaran itu susah serta tidak boleh berjaya maka ia hampir mustahil bagi seseorang pelajar itu berjaya dalam pembelajarannya. Antara faktor utama yang melemahkan usaha, ketekunan dan keterlibatan pelajar dalam proses

pembelajaran adalah tahap keyakinan yang rendah serta persepsi pembelajaran itu sukar, menjadikan kejayaan pembelajaran hampir tidak tercapai (Rizki Parahita, 2021).

Menurut Ghazali et al. (2010), pelajar yang tidak mempunyai asas bahasa Arab akan memiliki kepercayaan bahawa pembelajaran bahasa Arab ini adalah sukar. Ini kerana mereka tidak pernah terdedah dengan sistem bahasa Arab walaupun daripada perspektif amalan harian, mereka terdedah dengan penggunaan bahasa arab seperti biasa menurutkannya ketika bersembahyang dan berdoa. Kepercayaan pembelajaran bahasa Arab ini sukar akan mengurangkan tahap kepercayaan mereka untuk berjaya dalam pembelajaran.

Selain itu, kajian Ghazali dan rakan-rakan (2010) turut menyatakan bahawa persepsi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab juga penting kerana sebahagian pelajar memandang pembelajaran bahasa Arab ini tidak penting dan mereka hanya akan mengulang kaji ketika peperiksaan sahaja. Kebiasaannya sikap ini datang daripada pelajar yang tidak mempunyai asas bahasa Arab yang kuat. Selain itu, faktor pelajar juga mempunyai sikap yang berbeza terhadap pendekatan pembelajaran yang berbeza (Rizki Parahita, 2021; Saadon, 2023). Justeru, sikap merupakan aspek penting dalam menyumbang kepada kemampuan dan penguasaan bahasa Arab yang baik kepada diri seseorang pelajar.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Ia dilaksanakan di dua buah sekolah menengah Islam di Kemboja melibatkan 112 orang responden yang dipilih secara rawak daripada kalangan pelajar tingkatan tiga sehingga tingkatan enam di dua buah sekolah berkenaan. Berdasarkan temu bual dengan para pentadbir sekolah, populasi pelajar di kedua-dua buah sekolah yang menjadi lokasi kajian ini adalah seramai 445 orang pelajar. Untuk mengenal pasti jumlah keseluruhan populasi murid beragama Islam dan juga sekolah Islam di seluruh Kemboja secara tepat ialah satu perkara yang sukar kerana tiada koordinasi yang tepat serta menyeluruh mengenai hal ehwal masyarakat Islam di negara berkenaan. Berdasarkan maklum balas daripada temu bual yang dijalankan, penubuhan institusi pendidikan beraliran Islam bebas ditubuhkan oleh institusi bukan kerajaan tanpa pengawalan yang ketat. Institusi Mufti Kemboja yang dianggap sebagai badan tertinggi dalam menguruskan hal ehwal umat Islam di Kemboja bukanlah satu institusi yang mempunyai sistem biroksi lengkap walaupun ia merupakan badan berautoriti yang diktiraf oleh kerajaan Kemboja. Oleh itu, langkah bagi memperolehi statistik yang tepat dan rasmi bagi institusi pendidikan Islam serta pelajar yang mendapat pendidikan di situ bukanlah satu langkah mudah.

Selaras dengan tujuan kajian untuk melakukan eksplorasi awal terhadap pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar Muslim minoriti di Kemboja dan bukan bermatlamatkan untuk mengeneralisasikan dapatannya terhadap seluruh populasi pelajar Muslim di Kemboja, maka pemilihan dua buah sekolah berkenaan sebagai lokasi kajian dilihat memadai. Pemilihan sampel daripada dua buah sekolah berkenaan secara persampelan bertujuan (*purposive sampling*) dilihat dapat mewakili latar kehidupan masyarakat Islam di Kemboja iaitu hidup di kawasan bandar dan luar bandar. Sebuah sekolah yang dipilih terletak di wilayah Kampot yang merupakan kawasan luar bandar, manakala sebuah sekolah lagi terletak di wilayah Phnom Penh yang merupakan kawasan bandar. (Etikan et al., 2016).

Kajian ini menggunakan borang soal selidik yang telah diadaptasi daripada beberapa kajian lepas yang dijalankan oleh kajian Mohd Isha et al. (2016), Mohd Uzir et al. (2018) serta Nurul Ain dan Azizi (2012). Pengubahsuaian struktur, konstruk serta item telah dilakukan bagi memenuhi objektif kajian ini dijalankan. Proses penilaian kesahan instrumen seterusnya telah dilakukan oleh dua orang pakar dalam bidang pendidikan bahasa Arab serta statistik. Penilaian kesahan bahasa juga telah dilakukan oleh dua orang guru berpengalaman kerana instrumen yang diguna pakai telah diterjemahkan ke dalam bahasa Khmer bagi memastikan responden dapat memberikan respon dengan lebih tepat. Bagi menilai tahap

kebolehppercayaan soal selidik, dapatan rintis bagi indeks alpha Cronbach (0.898) memperlihatkan tahap kebolehppercayaan yang tinggi dan item yang sesuai untuk digunakan dalam kajian ini. Borang soal selidik yang dibangunkan mempunyai empat bahagian iaitu latar belakang demografi serta tiga konstruk pembelajaran bahasa Arab iaitu motivasi, strategi serta sikap. Namun, artikel ini hanya memfokuskan kepada latar belakang demografi serta konstruk sikap pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab.

## DAPATAN KAJIAN

Borang soal selidik yang dibangunkan telah ditadbir melalui atas talian serta edaran terus kepada responden melalui pihak pentadbiran sekolah yang menjadi lokasi kajian. Secara umumnya, responden kajian ini merupakan pelajar di dua buah sekolah iaitu Sekolah 1 yang dikategorikan sebagai sekolah luar bandar di wilayah Kampot. Manakala sekolah 2 pula merupakan sekolah di kawasan bandar yang terletak di Phnom Penh. Secara keseluruhannya, 112 orang murid tingkatan tiga hingga enam daripada 2 buah sekolah berkenaan telah menjawab soal selidik.

### Jadual 1.

#### *Demografi Responden Kajian*

| Item                                         | Pembolehubah          | Kekerapan | Peratus (%) |
|----------------------------------------------|-----------------------|-----------|-------------|
| Sekolah                                      | • Sekolah 1           | 53        | 47          |
|                                              | • Sekolah 2           | 59        | 53          |
| Jantina                                      | • Lelaki              | 24        | 21.4        |
|                                              | • Perempuan           | 88        | 78.6        |
| Tingkatan                                    | • Tingkatan 3         | 52        | 46.4        |
|                                              | • Tingkatan 4         | 21        | 18.8        |
|                                              | • Tingkatan 5         | 16        | 14.3        |
|                                              | • Tingkatan 6         | 23        | 20.5        |
| Penginapan                                   | • Asrama              | 73        | 65.2        |
|                                              | • Bukan asrama        | 39        | 34.8        |
| Pernah belajar Bahasa Arab di sekolah rendah | • Ya                  | 88        | 78.6        |
|                                              | • Tidak               | 24        | 21.4        |
| Pekerjaan Bapa                               | • Petani/nelayan      | 68        | 76.8        |
|                                              | • Peniaga             | 22        | 19.6        |
|                                              | • Kakitangan kerajaan | 1         | 0.9         |
|                                              | • Pekerja swasta      | 3         | 2.7         |

*\*Analisis Demografi Responden (N=112)*

Jadual 1.0 di atas menggambarkan latar belakang demografi responden kajian ini yang melibatkan jantina, tahap pembelajaran, penginapan ketika belajar, pengalaman pembelajaran bahasa Arab sebelum memasuki sekolah menengah serta asas sosioekonomi keluarga.

Jika ditinjau daripada perspektif pembelajaran, majoriti responden (78.6%) telah terdedah kepada pengalaman mempelajari bahasa Arab di peringkat rendah. Mereka mempunyai asas yang baik untuk dikembangkan di peringkat menengah. 65.2% pelajar tinggal di asrama yang boleh dimanfaatkan untuk mewujudkan persekitaran yang menyokong proses pembelajaran. Jika dilihat daripada aspek sosioekonomi, kebanyakan mereka (76.8%) datang daripada keluarga petani dan nelayan.

**Analisis Sikap Pelajar Minoriti Islam**

Dalam soal selidik yang dibangunkan, pengkaji telah membina 14 item bagi mengenal pasti sikap pelajar dalam kalangan Muslim minoriti di Kemboja terhadap pembelajaran bahasa Arab. Responnya boleh dilihat melalui jadual berikut.

**Jadual 2:**

*Analisis Deskriptif Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab*

| Item                                                                        | Respon [% (n)] |           |           |           |           | Skor min | Sisihan piawai | Interpretasi     |
|-----------------------------------------------------------------------------|----------------|-----------|-----------|-----------|-----------|----------|----------------|------------------|
|                                                                             | STS            | TS        | KS        | S         | SS        |          |                |                  |
| Sedar pembelajaran penting BA                                               | 0.9 (1)        | 1.8 (2)   | 8.0 (9)   | 40.2 (45) | 49.1 (55) | 4.35     | 0.779          | Tinggi           |
| Bersedia mempelajari BA                                                     | 0.9 (1)        | 1.8 (2)   | 18.8 (21) | 50.0 (56) | 38.6 (32) | 4.04     | 0.793          | Tinggi           |
| Seronok mempelajari BA                                                      | 0.9 (1)        | 2.7 (3)   | 22.3 (25) | 42.9 (48) | 31.3 (35) | 4.01     | 0.854          | Tinggi           |
| Berani bertanya guru di dalam kelas BA                                      | 0.9 (1)        | 4.5 (5)   | 30.4 (34) | 34.8 (39) | 29.5 (33) | 3.87     | 0.921          | Sederhana tinggi |
| Sanggup habiskan waktu untuk belajar BA.                                    | 0.9 (1)        | 3.6 (4)   | 30.4 (34) | 38.4 (43) | 26.8 (30) | 3.87     | 0.885          | Sederhana tinggi |
| Sedar BA beri nilai tambah masa hadapan untuk bersaing dengan bukan muslim. | 1.8 (2)        | 5.4 (6)   | 12.5 (14) | 50.9 (57) | 29.5 (33) | 4.01     | 0.895          | Tinggi           |
| Sedar belajar BA beri peluang belajar di luar negara.                       | 0.9 (1)        | 1.8 (2)   | 13.4 (15) | 39.3 (44) | 44.6 (50) | 4.25     | 0.822          | Tinggi           |
| *Tidak mengantuk ketika belajar BA                                          | 4.5 (5)        | 13.4 (15) | 35.7 (40) | 28.6 (32) | 17.9 (20) | 3.42     | 1.071          | Sederhana tinggi |
| *Fokus dalam kelas BA                                                       | 2.7 (3)        | 9.8 (11)  | 15.2 (17) | 41.1 (46) | 31.3 (35) | 3.88     | 1.064          | Sederhana tinggi |
| *Rajin hadir kelas BA                                                       | 2.7 (3)        | 10.7 (12) | 8.9 (10)  | 40.2 (45) | 37.5 (42) | 3.99     | 1.070          | Sederhana tinggi |
| *Lakukan kerja diberi guru BA                                               | 3.6 (4)        | 8.0 (9)   | 15.2 (17) | 41.1 (46) | 32.1 (36) | 3.09     | 1.057          | Sederhana tinggi |
| *Merasa BA mudah                                                            | 8.9 (10)       | 15.2 (17) | 44.6 (50) | 14.3 (16) | 17.0 (19) | 3.15     | 1.149          | Sederhana tinggi |
| *Sedar belajar BA membantu kehidupan                                        | 3.6 (4)        | 8.0 (9)   | 6.3 (7)   | 27.7 (31) | 54.5 (61) | 4.21     | 1.102          | Tinggi           |
| *Belajar BA tidak membosankan                                               | 4.5 (5)        | 9.8 (11)  | 7.1 (8)   | 32.1 (36) | 46.4 (52) | 4.06     | 1.157          | Tinggi           |
| Keseluruhan                                                                 |                |           |           |           |           | 3.92     | 0.609          | Sederhana tinggi |

*\*Item negatif yang telah ditukar kepada positif*

Jadual 2 di atas menunjukkan hasil analisis data yang memperlihatkan sikap pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab. Pengkaji menggunakan skor min (Nunnally & Bernstein, 1994) sebagai sandaran dalam mentafsirkan data deskriptif kajian. Jika dilihat secara keseluruhan apa yang digambarkan dalam jadual di atas, sikap pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab adalah di tahap sederhana tinggi dengan skor min 3.92 dan sisihan piawai 0.609.

Berdasarkan analisis deskriptif yang dipaparkan melalui jadual di atas, tujuh daripada empat belas item berada pada tahap tinggi dengan skor min 4.35 (SP=0.779) sehingga 4.01 (SP=0.895) dan tujuh lagi berada pada tahap sederhana tinggi dengan skor min 3.99 (SP=1.070) sehingga 3.15 (SP=1.149).

Item yang mendapat skor min tertinggi ialah kesedaran responden bahawa pembelajaran bahasa Arab adalah penting dengan min 4.34 dan sisihan piawai 0.779. Selain itu, item yang mendapat skor min yang tinggi dengan nilai min 4.21 dan sisihan piawai 1.102 ialah kesedaran responden bahawa pembelajaran bahasa Arab dapat membantu mereka serta kesedaran responden bahawa mempelajari bahasa Arab boleh membuka peluang untuk mereka menyambung pengajian di luar negara dengan nilai min 3.25 dan sisihan piawai 0.822. Item yang menunjukkan responden merasakan pembelajaran bahasa Arab menarik dan mereka bersedia untuk mempelajari bahasa Arab juga berada di tahap tinggi dengan skor min masing-masing ialah 4.06 dan 4.04 serta sisihan piawai 1.157 dan 0.895.

Respon pelajar juga mencapai skor min yang tinggi iaitu 4.01 dengan sisihan piawai 0.895 tentang keseronokan mempelajari bahasa Arab dan kesedaran mereka tentang nilai tambah yang bakal mereka perolehi melalui penguasaan bahasa Arab untuk mereka bersaing dengan kelompok majoriti bukan Muslim di negeri mereka pada masa hadapan responden.

## PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis deskriptif yang dilakukan terhadap data yang dipungut, dapatan menunjukkan bahawa tujuh daripada empat belas item berada pada tahap tinggi dan tujuh lagi berada pada tahap sederhana tinggi. Secara keseluruhannya, ia boleh ditafsirkan sebagai sederhana tinggi. Hasil kajian ini menunjukkan bahasa Arab turut mendapat perhatian oleh pelajar meskipun mereka merupakan masyarakat minoriti seiring dengan dapatan Rizki Prahita (2021). Walau bagaimanapun, dapatan skor sederhana tinggi turut menunjukkan pelajar mempunyai tanggapan bahawa bahasa Arab ialah suatu bahasa yang sukar, khususnya daripada segi sistem linguistiknya, dan ia boleh menyumbang kepada tingkah laku yang kurang berminat seperti tidak menyiapkan kerja sekolah mahupun mengulang kaji pelajaran secara sendiri (Noorhayati, 2009).

Pelajar menunjukkan kesedaran dan tahu bahawa pembelajaran bahasa Arab itu penting. Hal ini bertepatan dengan Ghazali et al. (2010), kerana dengan kesedaran itu, mereka akan lebih mudah mempelajari bahasa Arab. Selain itu, pelajar juga sedar kesedaran bahawa pembelajaran bahasa Arab dapat membantu mereka dan mempunyai kesedaran untuk mempelajari bahasa Arab di luar negara. Data juga menunjukkan pelajar merasakan pembelajaran bahasa Arab menarik dan seronok. Oleh itu, mereka bersedia untuk mempelajari bahasa Arab. Akhir sekali, dapatan menunjukan terdapat kesedaran akan kepentingan pembelajaran bahasa Arab menjadi nilai tambah bagi mereka dalam persaingan kerjaya yang lebih baik (Abushihab et.al, 2025; Kovac & Masic, 2019).

Maka, pihak-pihak yang bertanggungjawab perlu memainkan peranan dengan menjalinkan hubungan antara sekolah-sekolah dan universiti-universiti di seluruh dunia bagi membantu pelajar-pelajar ini meneruskan pembelajaran mereka agar mereka dapat menyumbang kembali kepada masyarakat Islam di Kemboja setelah tamat pengajian mereka. Selain itu, pihak-pihak organisasi Islam di Kemboja dan di luar Kemboja perlu menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada mereka agar mereka dapat mengembangkan lagi diri mereka sekali gus dapat mengangkat taraf kehidupan masyarakat Islam di Kemboja.

## KESIMPULAN

Kajian yang telah diusahakan ini menjadi nilai tambah kepada pengetahuan sedia ada mengenai amalan pembelajaran bahasa Arab di Kemboja sebagai sebuah negara Islam minoriti. Dapatan kajian ini

menunjukkan indikator kepada tahap dan perkembangan bahasa Arab yang mana ia bukanlah pembelajaran yang di pinggir oleh pelajar. Dalam persekitaran yang terhad, guru-guru memainkan peranan untuk mengekalkan sikap positif yang ada pada pelajar-pelajar dengan mempelbagaikan kedah-kaedah pembelajaran. Justeru itu, penemuan harus dimanfaatkan oleh semua pihak berkepentingan dalam bidang pendidikan di Kemboja mahupun negara-negara lain, terutamanya dalam kalangan negara yang mempunyai populasi Muslim yang minoriti.

## RUJUKAN

- Abushihab, E. F., Alkhateeb, H. M., Alkhateeb, R. H., & Alkhateeb, B. H. (2025). Motivation and attitudes toward learning Arabic as a second language: A Study of Arab-American and Arab-expatriate middle school students in the U.S. and Qatar. *Dibon Journal of Languages*, 1(1), 3-23.
- Bruckmayr, P. (2006). The Cham Muslims of Cambodia: From forgotten minority to focal point of Islamic Internationalism. *American Journal of Islam and Society*, 23(3), 1-23. <https://doi.org/10.35632/ajis.v23i3.441>
- Etikan, I., Musa, S. A., & Alkassim, R. S. (2016). Comparison of convenience sampling and purposive sampling. *American Journal of Theoretical and Applied Statistics*, 5(1), 1-4
- Fahamsyah Fadlan. (2020). Metode kajian psikologi pembelajaran bahasa Arab. *Jurnal Al-Fawa'id: Jurnal Agama dan Bahasa*, 10(1), 77-88.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Parilah M. Shah. (2010). Sikap pelajar terhadap pembelajaran kemahiran lisan bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM). *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 10(2), 15-33.
- Kovac Mirjana M. & Mrsic Zdilar Ana. (2017). Students' attitudes towards foreign languages. *Journal of Educational and Developmental Psychology* 7(2), 124-124. <https://doi.org/10.5539/jedp.v7n2p124>
- Mohd Isha Awang, Yaakob Daud, Abdull Sukor Shaari, Mohd Hasani Dali & Zulkefli Bahador. (2016). Penerokaan awal terhadap motivasi pembelajaran bahasa Melayu di sebuah universiti awam di malaysia. *Prosiding The ICECRS*, 1(1). <https://doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.558>
- Mohd Shahrizal Nasir, Nurkhamimi Zainuddin & Muhammad Sabri Sahrir. (2017). Persepsi pelajar bukan Muslim terhadap pembelajaran bahasa Arab. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*, 39(1).
- Mohd Uzir Zubir, Rohaidah Kamaruddin & Sharil Nizam Sha'ri. (2018). Motivasi dan sikap terhadap pembelajaran bahasa Melayu murid tingkatan satu (Junior One Loyalty), Sekolah Menengah Persendirian Kwang Hua. *Jurnal Kesidang*, 3(1), 82-91.
- Nadhilah Abdul Pisal & Kamarul Shukri Mat. (2018). Tahap kepercayaan pelajar sekolah menengah terhadap pembelajaran bahasa Arab. *Issues in Language Studies* 7(1). <https://doi.org/10.33736/ils.1617.2018>
- Noorhayati Hashim. (2009). *Keberkesanan Kaedah NOOR dalam pengajaran dan pembelajaran nahu bahasa Arab*. Universiti Malaya.
- Nunnally, J. C., & Bernstein, I. H. (1994). *Psychometric theory*. McGraw-Hill.
- Nurul Ain Hamsari dan Azizi Yahaya. (2012). Peranan motivasi pembelajaran, gaya keibubapaan dan sikap dengan pencapaian akademik. *Journal of Educational Psychology & Counseling*, 5, 30-57.
- Rizki Parahita Anandi. (2021). Students' attitude and motivation towards Arabic language. *International Journal of Arabic Language Teaching*, 3(2), 133. <https://doi.org/10.32332/ijalt.v3i02.3804>
- Saadon, M. (2023). Minat, sikap dan motivasi murid sekolah swasta terhadap pendekatan pembelajaran terbeza subjek Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (JPBM)*, 13(1).
- Shukri, K., Amin, M., & Rahimi, N. M. Zamri. (2009). Language learning strategies and motivation among religious secondary school students. *The International Journal of Language, Society and Culture*, 29, 71-79.

Teh, K. S. M., & Embi, M. A. (2009). Korelasi strategi dengan motivasi dalam pembelajaran Bahasa Arab. *Journal of Educators & Education / Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 24.